

**DAP sokong Anwar kekal ketua pembangkang**  
**Malaysiakini.com**  
**May 18, 2011**

DAP hari ini mengesahkan bahawa ketua umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim akan tetap kekal sebagai ketua pembangkang meskipun telah diarahkan untuk membela dirinya dalam perbicaraan liwat II.

"Kami tidak akan menggantikan ketua pembangkang selagi beliau tetap adalah MP," kata setiausaha agung DAP Lim Guan Eng, selepas merasmikan Festival Georgetown di Kuala Lumpur hari ini.

Lim berkata demikian ketika ditanya wartawan sama ada keputusan mahkamah yang mendapati kes prima facie ke atas Anwar yang didakwa meliwat pembantunya, Saiful Bukhari Azlan akan menjejaskan Pakatan Rakyat.

"Kita masih kuat dan akan meneruskan agenda pembaharuan," katanya.

Anwar dan PKR dikatakan mengalami tamparan pada Isnin lalu apabila hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohamed Zabidin Mohamed Diah memerintahkannya membela diri kerana berpendapat Mohd Saiful adalah saksi yang "berkata benar dan berwibawa".

Perbicaraan hampir pasti menjejaskan Anwar, yang partinya kini pada tahap terendah sejak kejayaan cemerlang pada pilihan raya umum Mac 2008.

Selepas beberapa siri paling tadah, PKR kini hanya mempunyai 23 kerusi di Dewan Rakyat, - jumlah yang sama dengan PAS manakala DAP memiliki 29 kerusi.

Bagaimanapun Lim enggan mendedahkan sama ada Pakatan mempunyai "Rancangan B" sekiranya Anwar didapati bersalah.

"Kami akan membuat pengumuman apabila perkara itu berlaku," kata Lim sambil tersenyum dan menambah beliau perlu berhati-hati membuat kenyataan berhubung Anwar kerana ia mungkin diputar belit oleh pertubuhan media milik Umno.

Lim juga cuba mengelakkan diri daripada menjawab soalan sama ada kes prima facie ke atas Anwar telah menyebabkan kesan negatif kepada pembangkang.

"Kami masih tidak tahu bahawa ia impak positif atau negatif. Lagi ditindas, lagi tinggi menukar sesuatu krisis kepada peluang. Ia tidak semestinya negatif."